

Newspaper  
Date

Utusan Malaysia  
17 March 2016

# PNB118 manifestasi kejayaan

um-17/3/2016

Oleh FITRI AFFENDI MUSTAFA  
dan FADZIL ZAINOL  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 16 MAC

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata, pembangunan projek Warisan Merdeka melibatkan pembinaan menara setinggi 118 tingkat yang dikenali sebagai Merdeka PNB118 bakal menjadi simbol kebanggaan dan manifestasi kejayaan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Menurut Perdana Menteri, projek pembangunan hartanah milik Permodalan Nasional Bhd. (PNB) itu yang terletak berhampiran Stadium Merdeka serta segi tiga emas di kawasan Bukit Bintang akan menjadi daya penarik dan merancakkan lagi sektor pelaburan dan pelancongan di kawasan tersebut.

Malah, katanya, pembangunan projek tersebut akan memastikan dua bangunan bersejarah negara iaitu Stadium Merdeka dan Stadium Negara terus terpelihara dalam arus pemodenan.

"Saya gembira melihat portfolio hartanah PNB yang terus berkembang maju dengan lebih

50 pelaburan hartanah di dalam negara dan enam pelaburan hartanah di luar negara.

"Kemuncak kepada kejayaan PNB ini adalah sebuah mercu tanda ikonik dan kini merupakan masa untuk PNB meraih peningkatan nilai daripada pemilikan hartanah bersejarah menerusi projek tiga fasa pembangunan Warisan Merdeka ini," katanya ketika berucap melancarkan Projek Warisan Merdeka di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa; Pengerusi PNB, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Presiden merangkap Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman.

Merdeka PNB118 dengan ketinggian 630 meter atau 118 tingkat bakal menjadi bangunan kedua tertinggi di Asia dan tersenarai sebagai 'MegaTall Building' kelima tertinggi di dunia.

Pembinaan bangunan itu merupakan sebahagian daripada fasa pertama projek Warisan Merdeka yang turut meliputi pembinaan

pusat beli-belah yang telah dimulakan tahun 2014 dan dijangka siap pada tahun 2020 dengan kos pembangunan sebanyak RM5 bilion.

Projek Warisan Merdeka merupakan projek pembangunan bercampur yang dibangunkan secara tiga fasa di atas tanah berkeluasan kira-kira 7.6 hektar yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2024.

Sementara itu, Perdana Menteri turut menyifatkan pelancaran projek Merdeka PNB118 itu amat istimewa kerana esok merupakan ulang tahun ke-38 penubuhan PNB.

"Istimewa bukan untuk saya atau PNB, malah kepada seluruh rakyat apatah lagi esok genap 38 tahun penubuhan PNB. Malah, kita boleh menyambut ulang tahun PNB dengan rasa bangga kerana PNB telah menempa kejayaan demi kejayaan sejak penubuhannya," jelasnya.

Dalam pada itu, Najib berkata, kewujudan PNB dan syarikat-syarikat pelaburannya secara tidak langsung telah menstruktur ekonomi dan sosial rakyat Malaysia.

Kini, kita boleh berbangga melihat anak-anak bumiputera menerajui, mengurus dan menjalankan operasi perniagaan dalam pelbagai sektor dan bidang penting ekonomi negara.



**NAJIB TUN RAZAK** diiringi Ahmad Sarji Abdul Hamid (kiri) melawat sekitar tapak projek Warisan Merdeka selepas melancarkannya di Kuala Lumpur, semalam.